

**DISTORTION IN BELIEFS AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN RANAU,
SABAH AND INITIATIVES TO ADDRESS THEM**

**KESALAHAN AKIDAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI RANAU, SABAH
DAN INISIATIF MENANGANINYA**

Nur Syakirah Moid ⁱ & Muhamad Faisal Ashaari ⁱⁱ

- ⁱ Pelajar, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. nsyakirahmoid00@gmail.com
- ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. faisal@ukm.edu.my

Received: 13 February 2024

Article Progress
Revised: 9 May 2024

Accepted: 4 June 2024

Abstract	<i>Ranau is one of the rural areas in Sabah with a minority Muslim population due to its distant location from the main urban centers. Despite this, due to the weak practice of Islam in rural areas of Sabah, the Muslim community here faces the presence of distorted beliefs. The customs of a group that initially followed animistic beliefs and engaged in numerous practices that ran counter to authentic Islamic beliefs have a significant influence on this. Consequently, the objective of this study is to identify distorted beliefs in Ranau, Sabah, and examine the efforts of Islamic outreach and law enforcement in addressing deviant beliefs in Ranau, Sabah, and their effectiveness. This study employs a qualitative method by conducting interviews with 10 informants, including formal and informal religious educators. Formal religious educators include those who teach under the Malaysian Ministry of Education, while informal educators consist of officials from JHEAINS and JAKIM who are frequently involved in community activities. The study findings reveal the existence of 22 deviant teachings that have been declared as such in Sabah as of 2022, along with customary practices observed by the community. Common types of beliefs distorted in Ranau are linked to ancestral practices, such as the Monogit practice. The persistence of these distorted beliefs is attributed to the ignorance of the community and the steadfastness of the elderly population, which clings to ancestral teachings. Initiatives by religious bodies to address this issue include organizing a special eMualaf program for converts and purifying the terminology of customary practices within the community. Therefore, this study can assist religious agencies, NGOs, and individual preachers in devising strategies to address issues of distortion in beliefs within the community.</i> Keywords: <i>Distortion, Belief, Customs, Muslim, Ranau.</i>
Abstrak	<i>Ranau merupakan salah sebuah daerah luar bandar di Sabah yang mempunyai masyarakat minoriti Islam kerana kedudukan Ranau yang terletak jauh daripada bandar utama. Namun demikian, dalam kedudukan pengamalan Islam yang lemah di kawasan luar bandar Sabah, masyarakat Islam di sini</i>

	<i>berhadapan dengan kewujudan kesalahan akidah. Hal ini banyak dipengaruhi oleh pengamalan masyarakat yang pada asalnya menganut kepercayaan animisme dan mengamalkan banyak amalan yang bercanggah dengan akidah Islam yang sebenar. Lantaran itu, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti kesalahan akidah dalam kalangan masyarakat di Ranau, Sabah dan mengkaji usaha-usaha dakwah dan kuatkuasa undang-undang dalam mengatasi salah laku akidah yang berlaku di Ranau, Sabah dan keberkesannya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual 10 orang informan yang terdiri daripada guru agama formal dan tidak formal. Guru agama formal terdiri daripada pendidik yang memang mengajar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan guru tidak formal pula terdiri daripada pegawai agama JHEAINS dan JAKIM yang sering terlibat dengan aktiviti masyarakat. Hasil kajian mendapati terdapat 22 ajaran sesat yang difatwakan di Sabah setakat tahun 2022 dan terdapat amalan adat yang dilaksanakan oleh masyarakat. Jenis kesalahan akidah yang kerap berlaku di Ranau adalah kesalahan yang berkait dengan amalan nenek moyang seperti amalan Monogit. Punca kesalahan akidah ini masih berlaku adalah disebabkan kejahilan masyarakat dan kedegilan masyarakat lanjut usia yang masih berpegang dengan ajaran nenek moyang. Inisiatif badan dakwah dalam mengatasi isu ini adalah dengan mengadakan 'Program eMualaf' khusus untuk mualaf dan memurnikan istilah amalan adat dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini boleh membantu agensi agama, NGO, dan pendakwah individu untuk mengatur strategi bagi menangani isu salah laku akidah dalam kalangan masyarakat.</i> Kata kunci: <i>Kesalahan, Akidah, Adat, Muslim, Ranau.</i>
--	---

PENGENALAN

Perkembangan agama di Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Borneo khususnya Sabah mempunyai perbezaan yang ketara kerana faktor sejarah dan lokasi geografi. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), Sabah mencatatkan (26%) dan Semenanjung mencatatkan (58%) daripada masyarakat Islam di Malaysia. Kedudukan masyarakat Islam di Sabah yang minoriti ini dikaitkan dengan penjajahan British di Sabah dan jauh dari sumber penyebaran Islam. Walaupun penduduk negeri ini menerima Islam pada zaman kesultanan Sulu pada tahun 1662 (Suraya Sintang et al., 2018), namun penjajahan telah merenggangkan mereka dengan agama (Pg Ismail Pg Musa, 2015). Era penjajahan pada tahun 1841 memperlihatkan gerakan Kristianisasi yang sangat aktif memberikan kesan negatif kepada perkembangan Islam bagi sesetengah kawasan luar bandar dan kesannya dapat dilihat pada hari ini. Ada enam kawasan di luar bandar Sabah yang mempunyai lebih ramai masyarakat Kristian berbanding masyarakat Islam iaitu daerah Keningau, Kota Marudu, Penampang, Ranau, Tambunan dan Tenom (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Manakala, di Semenanjung Malaysia, Melaka menjadi pusat permulaan perkembangan Islam melalui perdagangan serta peranan ulama dan cendekiawan agama yang aktif menjalankan dakwah dari utara iaitu Kedah dan Pulau Pinang hingga ke selatan termasuklah di pantai timur iaitu di Kelantan dan Terengganu. Negeri-negeri ini didatangi oleh ramai pendakwah dan usaha gerakan Islam banyak tertumpu di negeri-negeri ini berbanding Sabah dan Sarawak.

Dengan pengamalan Islam yang lemah di kawasan luar bandar Sabah, masyarakat Islam di sini berhadapan dengan kewujudan pelbagai kesalahan akidah. Sehingga tahun 2020, sebanyak 22 ajaran difatwakan sebagai sesat di Sabah (Asmady et al., 2020). Dalam pada itu, menurut Syamsul Azizul et al. (2022), terdapat amalan adat yang bertentangan dengan akidah Islam yang tidak difatwakan sebagai sesat oleh Kerajaan Negeri Sabah kerana amalan adat merupakan perkara yang terletak pada kuasa Mahkamah Anak Negeri sepenuhnya. Amalan ritual dan kepercayaan masyarakat di Sabah banyak dipengaruhi oleh

adat nenek moyang yang sebahagiannya bertentangan dengan akidah Islam (Mohammad Firdaus, 2022). Pertentangan ini bukan sekadar dalam tahap salah faham, tetapi menyimpang dari asas Islam yang betul dan sebahagiannya boleh menyebabkan terkeluar dari agama. Walaupun ternyata bercanggah dengan asas agama Islam, tetapi masih ramai yang terpengaruh disebabkan kejahilan, taasub, jalan singkat dalam beragama dan sebagainya (Engku Ahmad Zaki, 2007). Kedudukan jauh di pedalaman juga merupakan salah satu sebab kepada perkembangan ajaran sesat di kawasan ini. Ranau, Sabah merupakan sebuah kawasan pedalaman yang didiami oleh masyarakat Kadazandusun dan sehingga kini masih banyak yang mengamalkan ajaran nenek moyang. Sebelum kedatangan agama Islam dan Kristian, masyarakat di Ranau secara keseluruhannya adalah pagan yang menganut kepercayaan animisme. Mereka meyakini kewujudan *Kinorohingan* sebagai pencipta dan isterinya serta zuriat yang lahir daripada keduanya dipercayai menjadi sumber rezeki di atas muka bumi (Saif@Shaiffudin, 2010). Walaupun kepercayaan dan amalan ini semakin berkurangan, tetapi sebahagian masyarakat masih berpegang teguh dengan adat resam nenek moyang walaupun sudah memeluk agama Islam sehingga menjadikan ritual tersebut sebagai suatu kewajipan yang perlu disempurnakan (Siti Aidah Lukin et al., 2022). Maka, artikel ini akan menjelaskan jenis kesalahan akidah di Ranau Sabah, punca dan inisiatif yang diambil oleh agensi-agensi agama dalam menangani isu ini.

KONSEP KESALAHAN AKIDAH

Akidah merupakan kepercayaan anutan seseorang yang bertaraf yakin tanpa sebarang keraguan. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), akidah bermaksud mengikat dan menyimpulkan hati dengan penuh tetap, yakin dan konsisten. Dengan kata lain, akidah Islam boleh difahami sebagai perkara-perkara dasar yang terbina di atasnya cabang-cabang, asas-asas, dan benteng yang mesti bagi menjaga pemikiran manusia daripada lintasan-lintasan syak dan sebarang anasir menyesatkan. Menurut Abdul Halim el-Muhammady (1994), setiap amalan yang dilakukan manusia bagi mendapat keredaan Allah s.w.t digantung penerimaannya oleh Allah SWT berdasarkan kesahihan akidahnya. Kesalahan akidah adalah perkara yang bertentangan dengan tuntutan sebenar akidah yang menuntut umat Islam untuk meyakini Allah SWT satu-satunya tuhan yang maha esa dan Rasulullah SAW adalah utusannya. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), kesalahan akidah melibatkan berbagai perbuatan atau keyakinan yang menyimpang dari prinsip-prinsip keesaan Allah dan kenabian Rasulullah SAW. Hal ini dapat terjadi dalam berbagai aspek kehidupan sehari-hari sama ada dari segi perbuatan, perkataan, dan amalan yang tidak selaras dengan ajaran Islam.

Pada dasarnya kesalahan akidah mempunyai makna yang hampir sama dengan ajaran sesat. Namun demikian, bukan semua amalan yang bertentangan dengan akidah Islam adalah ajaran sesat kerana ada juga amalan yang bercanggah dengan akidah tetapi bukan ajaran sesat, sebaliknya kepercayaan turun temurun yang diwarisi (Engku Ahmad Zaki, 2007). Di Malaysia, istilah ajaran sesat merupakan istilah yang sering digunakan untuk menyentuh perkara berkaitan akidah. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2012), ajaran sesat ialah ajaran atau amalan yang didakwa berdasarkan kepada ajaran Islam atau didakwa tidak berlawanan dengan dasar-dasar ajaran Islam tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah.

Ajaran sesat umumnya ialah ajaran yang terpesong dan menyalahi agama Islam yang sebenar, meliputi aspek kepercayaan, pengamalan dan kerohanian. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), ajaran sesat ialah ajaran dan amalan yang didukung oleh orang Islam dan juga orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab yang muktabar iaitu mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ringkasnya, ia adalah ajaran yang bertentangan dengan sumber utama Islam iaitu Al-Quran, As-Sunnah,

ijmak dan qias serta bercanggah dengan pegangan atau pandangan ASWJ dari sudut akidah, syariat dan akhlak. Antara contoh ajaran sesat ialah:

- a. Mengingkari semua atau salah satu Rukun Iman dan Rukun Islam seperti mendakwa tidak wajib solat atau solat hanya dengan niat.
- b. Meyakini ada lagi penurunan wahyu selepas Al-Quran.
- c. Mengingkari kandungan atau satu ayat dari Al-Quran.
- d. Mengaku menjadi nabi atau rasul
- e. Merendahkan para nabi dan rasul.
- f. Mengubah asas-asas ibadah yang telah ditetapkan syarak.
- g. Melakukan perbuatan haram kerana ingin mendekati Allah
- h. Mengagungkan manusia biasa sehingga menganggapnya sebagai nabi
- i. Memaki dan mencaci para sahabat
- j. Melakukan amalan Ancak (persembahan seperti makanan kepada makhluk halus).
- k. Black Metal.
- l. Fahaman tidak wajib solat Jumaat kerana bersuluk

Walau bagaimanapun, kesalahan akidah tidak berada pada tahap yang sama tetapi terbahagi kepada dua tahap iaitu:

1. Percanggahan Dengan Akidah Sehingga Boleh Terkeluar Dari Agama

Ia boleh berlaku apabila menyalahi asas akidah seperti mensyirikkan tuhan dan menyalahi perkara yang sangat asas dalam agama yang disebut sebagai "*al-ma'lum min al-Din bi al-Darurah*". Contohnya, mendakwa menjadi rasul, hanya beriman dengan al-Quran, mengingkari kewajipan solat dan mengakui dirinya bukan beragama Islam lagi. Kesalahan ini adalah berat dan boleh menyebabkan terkeluar dari agama sekiranya memenuhi syaratnya seperti dengan niat, tahu dan sedar, sengaja dan sebagainya. Walau bagaimanapun, menjatuhkan hukuman keluar agama kepada seseorang itu tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya oleh masyarakat (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri, 2009). Ia hendaklah menerusi proses istitabah, dan proses siasatan kerana murtad adalah kes yang besar.

2. Percanggahan Dengan Akidah Tetapi Tidak Terkeluar Dari Agama

Terdapat fahaman dan amalan yang menyeleweng dari agama Islam tetapi tidak sampai tahap keluar dari agama. Ia boleh berlaku apabila menyalahi hukum Islam yang asas seperti solat dengan niat sahaja atau menafikan azab kubur. Ini termasuklah kesalahan akidah yang berkait dengan kepercayaan yang berhubung dengan perkara mistik dan budaya hidup. Menurut Ahmad Najaa Mokhtar (2018), di Malaysia, amalan ini dicampuradukkan dengan ajaran Islam seperti yang berlaku kepada amalan perbomohan, pemujaan dan kesaktian.

Ringkasnya, kesalahan akidah adalah perbuatan yang bertentangan dengan tuntutan sebenar akidah yang menuntut untuk meyakini Allah SWT satu-satunya tuhan yang maha esa dan Rasulullah SAW adalah utusannya. Hal ini dapat terjadi dalam berbagai aspek kehidupan sehari-hari sama ada dari segi perbuatan, perkataan, dan amalan yang tidak selaras dengan ajaran Islam. Sehubungan dengan itu, kesalahan akidah terbahagi kepada dua iaitu kesalahan yang boleh menyebabkan terkeluar dari agama Islam dan kesalahan yang berat tetapi tidak terkeluar dari agama Islam.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT RANAU

Ranau adalah salah sebuah daerah luar bandar di Sabah yang terletak di pantai barat pulau Borneo, Malaysia. Dengan populasi lebih dari 85,000 orang, Ranau menjadi salah sebuah daerah yang kaya akan kepelbagaian budaya dan warisan adat nenek moyang. Dari segi sumber ekonomi, pertanian merupakan sumber ekonomi utama masyarakat Kadazan Dusun di Ranau khususnya penanaman padi bukit atau padi huma di samping penanaman sayur-sayuran jenis tanah tinggi. Dalam pada itu, terdapat juga penduduk kampung yang bekerja dalam sektor pelancongan, memandangkan daerah ini berada di pusat pelancongan

terkenal di Sabah kerana faktor muka bumi yang cantik dan terletak di kaki gunung Kinabalu. Selebihnya, masyarakat bekerja di sektor kerajaan dan sektor swasta (Suraya Sintang, 2013).

78% daripada masyarakat Ranau, Sabah terdiri daripada etnik Dusun yang hampir menjadi sebahagian besar masyarakat. Hal ini demikian kerana, etnik Dusun merupakan masyarakat peribumi yang memang menetap di Sabah (Jabatan Perangkaan, 2021). Menurut Bali, (1996), istilah “Dusun” dicipta oleh orang Brunei yang memerintah sebahagian daripada Sabah sebelum kedatangan orang Barat di kepulauan Borneo. Masyarakat tempatan yang digelar sebagai orang Dusun ini, terlibat dalam pertukaran barang yang mana kelompok ini menukar hasil buah-buahan daripada dusun dengan barangan seperti perak, tembaga dan lain-lain. Masyarakat Dusun membentuk satu pertiga daripada jumlah penduduk Sabah (Kitingan, 1982), manakala penempatan mereka tertumpu di bahagian Pantai Barat Sabah seperti Kota Kinabalu, Ranau, Keningau, Penampang, Tambunan, Putatan, Tamparuli, Tuaran, Kota Belud dan Papar. Dari segi bahasa, masyarakat ini menuturkan bahasa Dusun. Bahasa Dusun merupakan salah satu daripada bahasa peribumi Sabah yang tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia (Noor Aina Dani et al., 2011).

Dari sudut pengamalan agama, agama Kristian adalah agama yang paling banyak dianuti oleh masyarakat dengan jumlah 45,666 dengan peratusan (53%) diikuti penganut Islam dengan jumlah 38,567 dengan peratusan (45%) orang daripada 85,077 orang penduduk. Penduduk selebihnya menganut agama Buddha, Hindu dan ada juga yang masih belum mempunyai pegangan agama. Pada asalnya, budaya tradisi masyarakat Kadazandusun pada masa dahulu bersifat homogen jika dibandingkan dengan keadaan mereka pada masa sekarang (Appel et al. 1968). Ini kerana sebelum kedatangan agama Islam dan Kristian, masyarakat Kadazandusun di Ranau secara keseluruhannya adalah pagan yang menganut kepercayaan animisme. Mereka meyakini tentang kewujudan *Kinorohingan* sebagai pencipta dan isterinya. Zuriat yang lahir daripada keduanya dipercayai menjadi sumber rezeki di atas muka bumi (Saif@Shaiffudin, 2010). Namun begitu, nama *Kinorohingan* tersebut berbeza-beza mengikut etnik dan tempat subsuku Kadazandusun tersebut berada (Yap Beng Liang, 1985).

Orang Dusun di Ranau percaya dua kuasa bertentangan yang wujud dalam kehidupan mereka iaitu kuasa kebaikan dan kuasa kejahatan. Kedua-dua kuasa ini dinamakan *Minomorun* dan *Rogon*. Mereka juga percaya adanya ‘sokob’, iaitu satu peristiwa di mana *Kinorohingan* telah menenggelamkan seluruh bumi ini, sepertimana yang berlaku pada zaman Nabi Nuh a.s. menurut kepercayaan orang Islam. Mereka juga percaya bahawa *bobolian* mempunyai peranan penting untuk membantu masyarakat mereka berkomunikasi dengan alam ghaib apabila mereka terpaksa berhadapan dengan krisis seperti penyakit kronik dan bencana alam. *Bobolian* juga dipercayai boleh menyembuhkan penyakit atau mempunyai kuasa sihir dan boleh menimpakan malapetaka kepada orang lain. Kaedah perubatan masyarakat Kadazandusun yang bersifat tradisional dan bersandarkan kepada makhluk halus, dipercayai tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan bantuan dan peranan *bobolian* (Asmiaty & Norsuhaila, 2019).

Kesan daripada kepercayaan animisme tersebut, masyarakat Kadazandusun pada umumnya berada dalam dua situasi yang bertentangan. Pertama, keamanan hidup dapat dirasakan dengan nikmat rezeki pemberian alam dan *Kinorohingan*. Kedua, perasaan takut dan bimbang yang sentiasa menyelubungi hidup mereka kerana makhluk jahat dipercayai sentiasa mencari peluang untuk menimpakan malapetaka ke atas mereka. Dalam situasi ini, bagi menentukan keselamatan hidup mereka, masyarakat Kadazandusun mestilah sentiasa mematuhi pantang larang dan adat-istiadat sekaligus menjaga hubungan baik dengan alam ghaib. Tentunya orang yang berperanan untuk berkomunikasi dengan alam ghaib ialah *bobolian* (Asmiaty & Norsuhaila, 2019).

Peredaran waktu kemudiannya menyaksikan proses transformasi sosial yang berlaku kesan daripada pengaruh luar dan pergolakan dalaman menyebabkan kelompok etnik Kadazandusun terpecah kepada subsuku yang lebih kecil dengan identiti

yang tersendiri (Suraya Sintang, 2013). Masyarakat Kadazandusun di daerah Ranau misalnya mengalami pembentukan semula budaya dan kehidupan beragama kerana faktor penyebaran agama yang bermula sekitar tahun 1940. Namun demikian, walaupun majoriti daripada masyarakat Ranau sudah memiliki agama, amalan adat nenek moyang masih mempengaruhi amalan seharian masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan temubual secara tidak berstruktur sebagai kaedah untuk mendapatkan data. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik analisis yang menumpukan kepada tiga aspek iaitu kesalahan akidah yang kerap berlaku, punca kewujudan kesalahan akidah, dan usaha-usaha agensi agama dan NGO dalam menangani kesalahan berkenaan. Seramai 10 orang informan yang telah ditemubual dan mereka terdiri daripada guru agama yang mengajar secara formal dan tidak formal di Ranau, Sabah. Guru agama formal terdiri daripada pendidik yang memang berada di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan mengajar di sekolah. Manakala, guru agama tidak formal pula terdiri daripada guru agama yang bertugas di Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Mereka dipilih secara bertujuan untuk memberikan pandangan yang mendalam dalam kajian ini. Jadual 1 menjelaskan taburan demografi responden dari segi jawatan yang disandang.

Jadual 1: Demografi Informan

Subjek	Kategori	Bilangan
Jawatan	Guru formal	5
	Tidak formal	5

Sumber: Penyelidikan (2023)

Berdasarkan Jadual 1, informan terdiri daripada guru agama formal iaitu guru agama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan mengajar di sekolah sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah. Manakala, guru agama tidak formal pula terdiri daripada pegawai agama JHEAINS dan JAKIM Ranau yang mengajar ilmu fardu ain kepada masyarakat. Kepelbagaian latar belakang guru-guru agama yang ditemubual oleh pengkaji dari segi asal dan jawatan khususnya memberi maklumat yang menyeluruh terhadap kesalahan akidah di Ranau. Jawatan guru yang mengajar secara formal di sekolah lebih banyak berhadapan dengan pelajar sekolah. Manakala guru agama tidak formal lebih banyak berhadapan dan terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, aspek penglibatan dalam dakwah pula akan memberi kesan kepada maklumat yang lebih mendalam apabila guru agama yang mengajar secara formal turut melibatkan diri dalam aktiviti dakwah dengan masyarakat selain daripada mengajar di sekolah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati, berdasarkan 10 orang informan yang ditemubual, masing-masing memberikan maklumat berkaitan jenis kesalahan akidah. Maklumat yang diberikan dipengaruhi oleh persekitaran informan yang menyebabkan jawapan masing-masing mempunyai perbezaan. Tujuh informan menyatakan, kesalahan akidah yang tidak terkeluar dari agama seperti melaksanakan amalan khurafat adalah kesalahan yang kerap berlaku di Ranau. Manakala, dua informan pula menyatakan, kesalahan akidah yang boleh terkeluar agama adalah kesalahan yang kerap berlaku dan satu informan sahaja menyatakan kedua-dua jenis kesalahan akidah ini kerap berlaku di Ranau. Jadual 2 merupakan maklumat jawapan informan:

Jadual 2: Jenis kesalahan akidah yang paling kerap berlaku

No	Jenis Kesalahan Akidah	Maklum Balas Informan
1.	Kesalahan akidah yang boleh terkeluar dari agama	Informan 5#, 7# dan 10#.
2.	Kesalahan akidah yang tidak terkeluar dari agama	Informan 1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 9

Sumber: Penyelidikan 2023

No. 1: Kesalahan Akidah Yang Boleh Terkeluar Dari Agama

Kesalahan akidah yang boleh menyebabkan keluar dari agama iaitu kesalahan murtad masih banyak berlaku di Ranau seperti yang diakui oleh tiga informan. Terdapat dua jenis kesalahan murtad yang berlaku iaitu keluar agama disebabkan perkahwinan dan pengamalan agama yang bertentangan dengan Islam. Menurut Informan 5#, 7#, dan 10#, kesalahan murtad banyak berlaku apabila wujud permasalahan dalam perkahwinan. Kegagalan dalam mencari penyelesaian dalam perkahwinan ini bukan sekadar berakhir dengan pergaduhan, malahan perceraian, tetapi juga melibatkan pertukaran agama. Mereka yang tidak mempunyai kefahaman agama yang kukuh disebabkan baru memeluk Islam atau tidak mendalami atau menghayati agama Islam selepas memeluk Islam terdorong untuk keluar dari agama. Apabila berlaku sebarang masalah dalam rumahtangga, pasangan mualaf akan memohon untuk menukar agama semula. Berikut merupakan kenyataan informan 5#:

"kalau pandangan saya sendiri (bunyi pintu) aaa tahap yang pertama tu yang paling kerap berlaku dan perlu kita ambil perhatian. Kesalahan murtad dalam orang kita banyak kan? Memang banyak sebenarnya. Terutamanya pasangan yang tukar agama sebab mau kahwin. Bila ada masalah dalam rumahtangga tiba-tiba datang balik di sini untuk tukar agama asal. Belum lagi yang baru tunang pastu putus tunang dan mau tukar agama balik. Macam-macam..."

Dapatan ini selari dengan Farahwahida Mohd Yusof et al., (2012) yang mendapati, salah satu faktor permohonan tukar agama adalah berpunca daripada percintaan remaja dan juga perkahwinan. Pertukaran agama biasanya dilihat apabila remaja yang berlainan agama saling mencintai dan pasangan Islam sanggup tukar agama untuk menjalinkan hubungan dengan kekasihnya. Perkara yang sama berlaku dalam perkahwinan, sama ada lelaki bukan Islam atau wanita bukan Islam ingin berkahwin dengan pasangan hidup mereka yang beragama Islam. Apabila berlaku sebarang permasalahan dalam perkahwinan yang dibina, pasangan mualaf mengambil keputusan untuk kembali ke agama asalnya.

Yang kedua, kesalahan murtad disebabkan pengamalan agama ini pula dijelaskan oleh informan#4 yang menyatakan terdapat masyarakat di kawasan pedalaman Ranau yang mengatakan mereka beragama Islam semasa ke pekan dan semasa proses memohon bantuan sahaja. Namun demikian, semasa di kampung, mereka mengamalkan kehidupan agama asal mereka seperti minum arak dan makan khinzir. Sehubungan dengan itu, ada yang menggelar kampung tersebut sebagai kampung Murtad kerana perbuatan mereka yang seolah-olah bukan beragama Islam. Pihak JHEAINS juga sukar untuk mengklasifikasikan agama sebenar mereka. Menurut informan #10, beliau berpandangan murtad adalah kesalahan akidah yang kerap berlaku di Ranau kerana perbuatan menukar agama ini adalah perbuatan yang sudah jelas kesalahannya dalam Islam.

"Ada satu kampung di pedalaman Ranau ni, diorang kalau keluar ke pekan atau untuk mohon bantuan diorang cakap agama diorang Islam. (telefon berbunyi) alamak. Okay, kampung ni orang-orang dia kalau keluar diorang cakap diorang Islam tapi bila diorang di kampung diorang, diorang masih amalkan gaya hidup aaa

kehiupan diorang sebelum Islam macam minum arak, makan khinzir dan semua tulah. Sebab tu kampung ni ada yang panggil diorang ni aaa kampung Murtad sebab susah untuk kita label diorang ini Islam atau hanya menggunakan nama agama Islam ja”

Hukuman murtad tidak boleh diberikan sewenang-wenangnya kepada individu yang masih mengaku dirinya percaya akan keesaan Allah SWT dan Nabi Muhammad pesuruhnya. Namun demikian, menurut kajian yang dibuat oleh Nailah Ismail (2011), kriteria-kriteria yang membuktikan kemurtadan dan kekufuran seseorang adalah mengingkari ajaran agama yang telah ditetapkan secara pasti atau yang termasuk prinsip asas dalam agama dan menghalalkan sesuatu yang telah disepakati pengharamannya. Contohnya menghalalkan arak, zina, riba, makan khinzir dan seumpamanya.

No. 2: Kesalahan Akidah Yang Tidak Terkeluar Dari Agama

Majoriti informan bersetuju, kesalahan akidah ini adalah kesalahan yang paling kerap berlaku di Ranau, Sabah iaitu kesalahan akidah yang tidak terkeluar dari agama. Hal ini diakui oleh 7 orang informan dan mereka menyatakan jenis kesalahan akidah ini adalah kesalahan akidah yang sebenarnya nampak ketara dalam kalangan masyarakat. Bagi jenis kesalahan akidah ini, Informan #4 dan #6 memberikan contoh yang sama secara terperinci mengenai amalan nenek moyang yang masih diamalkan. Contoh amalan yang diberikan adalah upacara pagar atau *monogit* dalam sesuatu kampung. Upacara yang dilaksanakan adalah, suatu upacara menyembelih ternakan seperti kambing pada setiap tahun. Kepala kambing yang disembelih akan diarak mengelilingi kampung dan kemudiannya ditanam di satu kawasan yang berlainan setiap tahun dan ditanda dengan bendera putih. Masyarakat yang dipanggil “orang tua-tua” menganggap ritual tersebut menjadi suatu pagar dan kambing yang dikorbankan itu menjadi persembahan yang menjadi wakil untuk menjaga keamanan kampung daripada sebarang malapetaka dan bala bencana. Berikut adalah keterangan dari informan:

“...Upacara ini akan dijalankan upacara memotong kambing. Aaa binatang kambing dan disembelih selepas itu aaa kepala kambing tersebut akan diarak untuk mengelilingi kampung. Kepala tersebut akan ditanam di satu kawasan yang biasanya berlainan setiap tahun. Dengan harapan... Aaa kambing tersebut akan ditanda dengan bendera putih dan dia dijalankan dengan kepercayaan bahawa kambing itu adalah menjadi aaa persembahan yang menjadi wakil melihat kawasan kampung itu daripada gangguan dan bala bencana di sesebuah kampung tersebut. Mereka berpegang bahawa, jika tidak diadakan ritual tersebut berbagai-bagai malapetaka, bencana akan menimpa kampung tersebut...”

Hal ini selari dengan kajian Syamsul Azizul et al., (2022) yang menyatakan amalan adat nenek moyang mengenai ritual *Sogit* ini menjadi salah satu ritual yang berada di bawah kendalian Mahkamah Anak Negeri kerana amalan *Sogit* ini merupakan adat turun temurun yang dilaksanakan dan sangat dipertahankan oleh golongan ‘orang tua-tua’ walaupun perlaksanaan *Sogit* ini berbeza mengikut kampung dan lokasi. Ada sebahagian yang menganggap *Sogit* sebagai suatu denda yang menyejukkan selepas melakukan pantang larang, manakala ada sebahagian yang menganggap korban yang dilakukan dalam perlaksanaan *Sogit* ini bertujuan untuk mencegah berlakunya malapetaka.

Punca Kesalahan Akidah

Agama Islam sudah semakin berkembang di Ranau, Sabah tetapi kesalahan yang jelas terkeluar dari agama serta amalan adat nenek moyang yang tidak selari dengan akidah Islam masih berlaku. Kajian mendapati terdapat tiga punca utama kesalahan akidah ini masih berlaku dalam kalangan masyarakat Ranau.

1. Kefahaman Tentang Agama Islam Yang Sebenar Masih Kurang

Informan #4 menyatakan, hal ini paling ketara dilihat dalam kalangan masyarakat yang lanjut usia. Salah satu sebab mereka tertarik dengan Islam adalah faktor perubatan Islam yang dibawa oleh ustaz-ustaz datang ke Ranau. Namun demikian, penerangan lebih lanjut mengenai agama yang tidak diberikan kepada mereka menyebabkan mereka beranggapan amalan yang diturunkan oleh nenek moyang tidak bertentangan dengan Islam. Berikut adalah keterangan dari Informan:

"Punca ka? Aaa hmm satu, kefahaman tentang agama Islam yang sebenar tu kurang. Aaa bermakna satu saja aaa bila ada orang-orang yang sudah faham dengan Islam dan menyampaikan tetapi orang tua masih lagi boleh menerima. Masih lagi berpegang teguh dengan ajaran yang diamalkan sebelumnya sebab orang-orang di Ranau, dia tertarik dengan Islam kerana apa? Satu, perubatan Islam yang dibawa oleh ustaz-ustaz yang bukan dilantik. Cuma, dia membawa orang tua-tua kita kepada Islam. Perkara yang diajarkan di situ adalah perubatan Islam tetapi tidak diajarkan seratus peratus mengenai Islam."

Engku Ahmad Zaki (2007) menyatakan, kegagalan dalam memahami akidah Islam yang sebenar merupakan punca terbesar seseorang terjerumus dalam perkara-perkara yang menyesatkan.

2. Kejahilan

Majoriti daripada informan menyatakan, faktor terbesar yang menyebabkan kesalahan akidah masih berlaku di Ranau, Sabah adalah faktor kejahilan. Menurut Informan #4 apabila masyarakat yang jahil dan tidak ada ilmu pengetahuan agama yang betul, mereka terdorong untuk bertaklid buta terhadap perkara yang mereka dengar dan lihat dari sumber yang belum pasti kesahihannya. Mereka juga mudah membuat kesimpulan terhadap perkara yang didengar. Tambahan lagi, pada masa ini masyarakat terdedah dengan gajet yang mendedahkan pelbagai fahaman dan ajaran yang tidak ada jaminan kesahihan ajaran yang disampaikan. Berikut merupakan keterangan dari informan:

"Sebabnya ada yang jahil, jadi aaa diorang main ikut ja lah. Contohnya kan kalau ajaran wahabi kan ambil yang mudah kan. Contohnya Imam Syafie minta itulah yang kita amal sebab kita cuma taklid umum dan kalau di tempat kita ni kan sudah diisytiharkan kita mesti guna Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tapi, ada juga yang mencampuradukkan dengan mazhab lain. Contohnya, orang bilang aaa ni dari perspektif muamalatlah. Kalau suami isteri kalau bersentuhan kalau tiada nafs tidak batal tapi kalau dari mazhab Syafie batal. Kalau masyarakat yang jahil dia ambil yang tidak batal tulah. Kalau contoh lain lagi, di Kundasang haritu, ada yang cakap niat solat sahaja pun dikira solat walaupun tidak solat betul-betul. Naa, jadi orang-orang yang macam ni kalau kita tengok dari latar belakang dia memang orang jahil dan tidak belajar agama."

Kejahilan adalah salah satu punca terbesar masyarakat melakukan kesalahan akidah kerana ketiadaan ilmu pengetahuan yang membimbingnya untuk membezakan perkara yang dibenarkan dalam akidah Islam ataupun ditegah. Farahwahida et al. (2012) menyatakan akibat kejahilan dan juga tidak faham tentang hakikat ajaran dan syariat Islam menyebabkan nilai kehidupan manusia ketinggalan, lalu manusia mencari alternatif lain untuk memenuhi ruang lingkup kehidupan. Manusia tidak menyedari bahawa sebenarnya mereka telah terjebak dalam perangkap mainan kehidupan dan tidak tahu memilih jalan mana yang sepatutnya mereka lalui.

3. Pengaruh Golongan Lanjut Usia Yang Kuat Mempertahankan Amalan Mereka Walaupun Sudah Memeluk Islam

Pengaruh golongan lanjut usia yang kuat mempertahankan amalan mereka walaupun sudah memeluk Islam ini diperincikan oleh informan #2 dan informan #6 dengan kenyataan, bagi sesetengah masyarakat di Ranau yang masih mengamalkan amalan nenek moyang, mereka menyatakan amalan itulah yang “membesarkan mereka”. Pernyataan membesarkan mereka ini menunjukkan, mereka sangat bertegas bahawa amalan itulah yang banyak membantu mereka sepanjang proses mereka membesar. Hal ini disebabkan, amalan yang mereka amalkan itu memang dilaksanakan turun temurun sejak sebelum berkembangnya agama Islam di Ranau lagi. Maka, ada segelintir masyarakat khususnya golongan lanjut usia yang agak sensitif apabila amalan yang mereka laksanakan diklasifikasikan sebagai amalan salah laku akidah. Lantaran itu, golongan muda terpaksa akur dengan amalan yang dipanggil ‘amalan orang tua-tua’ ini disebabkan kekerasan masyarakat lanjut usia yang kuat mempertahankan amalan mereka itu. Berikut adalah kenyataan informan :

“Saya banyak bertanya bila masuk kampung, masyarakat-masyarakat kita sebenarnya sudah tidak terikat sangat ataupun tertarik dengan amalan tersebut tetapi masyarakat muda tidak akan dipandang sebenarnya oleh orang-orang tua kita tu. Aaa mereka berpandangan bahawa kalau bukan kerana ini sampai sekarang kamu tidak akan hidup. Kita tiada di sini harini kalau bukan ini. Apa yang diorang percaya, semua aaa yang kita ada hari ini adalah hasil kepada bantuan amalan-amalan tersebut”

“Golongan muda pun terpaksa akur untuk menghormati golongan tua ni dan ada juga yang terjerumus dalam mengikuti aaa upacara tersebut. Salah satu daripadanya aaa yang berlaku sekarang ini iaitu upacara pagar atau monogit dalam satu kampung”

Perkara berkaitan amalan adat ini pula berkait dengan penulisan Syamsul Azizul et al., (2022) yang menyatakan meskipun amalan adat masyarakat di kawasan pedalaman seperti Sabah sudah berkurangan tetapi tidak dinafikan memang masih ramai yang mengamalkannya terutama golongan lanjut usia.

Inisiatif Menangani Kesalahan Akidah Di Ranau

Institusi-institusi dakwah tidak duduk diam melihat kesalahan akidah yang berlaku di Ranau, Sabah. Semua agensi agama berusaha untuk meminimumkan kesalahan akidah yang berlaku dengan inisiatif-inisiatif yang dijalankan. Hasil temubual mendapati terdapat empat inisiatif yang dilaksanakan bagi membendung isu kesalahan akidah di Ranau, Sabah.

1. Melaksanakan Program *Follow Up* Muallaf

Program *follow up* muallaf ini dilaksanakan di bawah program yang dinamakan Program Follow Up eMuallaf. Program tersebut diasaskan oleh JHEAINS, Ranau yang memfokuskan golongan Muallaf. Program tersebut dilaksanakan dengan mendaftarkan golongan muallaf yang baru memeluk Islam ke dalam program tersebut. Muallaf yang didaftarkan dalam program tersebut akan sentiasa dipantau oleh pihak JHEAINS dari segi ibadah dan juga amalan fardu ainnya. Program ini juga mendapat kerjasama dari NGO seperti ABIM, YADIM dan Hidayah Centre dalam menyalurkan sebarang bantuan yang ada kepada golongan muallaf yang berada dalam program tersebut.

“Ada satu nama program kami, Program Follow Up eMuallaf. Yang ini kami bantu muallaf itu kami bagi dia Kefahaman Islam, kami ikut tahap-tahap dia jugalah. Kami tengok juga dia punya masalah-masalah. Kami check juga dia samaada ada ajaran-ajaran yang boleh menyebabkan bagi pengaruh sama diorang lah. Kami follow up sampai diorang boleh berdiri sendiri kan, baru kami kasi bebas diorang. Tetapi

dengan syarat diorang masuk dalam program kami tulah. Dan dia khusus untuk saudara baru tu jalah. Yang buat program ni baru Ranaulah. Baru Ranau yang buat secara sistematik. Ni ada kerjasama-kerjasama daripada NGO jugalah sebab kami ada data diorang kan. Jadi kalau ada bantuan-bantuan dari luar kan. Kami tidak cari orang luar sudah, kami cari diorang saja”

Langkah melakukan *follow up* muallaf adalah langkah yang sangat baik untuk memberikan dorongan kepada muallaf agar tidak kembali kepada agama asal kerana mereka menyadari keindahan dalam pengamalan Islam yang penuh hikmah. Menurut Pg Ismail Pg Musa et al., (2015), salah satu faktor permohonan keluar agama di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah adalah disebabkan tidak ada bimbingan dalam agama yang menyebabkan mereka tidak mengenal Islam yang sebenar-benarnya.

2. Pelaksanaan Program Kerjasama Antara Semua Agensi Agama

Program kerjasama semua agensi agama ini melibatkan semua agensi agama di Ranau termasuklah JHEAINS, JAKIM dan semua NGO untuk melaksanakan program-program bagi menjelaskan kepada masyarakat mengenai akidah yang benar di kawasan-kawasan kampung khususnya. Hal ini dengan melaksanakan program-program seperti ceramah dan seminar mengenai akidah. Menurut informan #4 agensi agama selalunya akan bekerjasama untuk menjemput penceramah luar untuk memberikan penjelasan kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, terdapat masyarakat yang lebih mudah menerima apabila individu yang menyampaikan kepada mereka adalah orang luar kerana mereka beranggapan masyarakat sekeliling mereka sudah terlalu biasa dan tidak lagi memberikan kesan kepada mereka. Berikut merupakan keterangan dari informan:

“... kalau untuk yang satu itu, yang pasal moningolig itu terpaksa kita melibatkan orang luar. Kita panggil orang luar untuk mengajar pasal akidah khususnya. Aaa, ini memang sedikit payahlah. Sebelum mau buat tu, semua agensi macam Jheains, Jakim dan Ngo berunding sesama pelaksana dan kita bagitau penceramah contohnya Mohimboyon dia punya tahap pemahaman agama dia begini, begini, begini. Kita akan bagitau penceramah. Kenapa kita berusaha untuk panggil orang luar, sebab kalau penceramah dari tempat kita yang menerangkan pasal akidah, diorang sudah terlalu biasa. Itulah mind set orang kita. Kalau mind set orang kita ni, kalau orang yang terlampau biasa sudah ni seolah-olah perkara yang kita cakap ni tidak betul bah”.

Siti Zubaidah (2010) menjelaskan kerjasama antara institusi dakwah untuk melaksanakan program yang memantapkan akidah merupakan salah satu usaha menangani isu ajaran sesat yang proaktif kerana kesatuan semua agensi agama memberikan kelebihan dari pelbagai aspek terutamanya dari segi kerahan tenaga, idea dan penguatkuasaan.

3. Memurnikan Istilah-istilah Penggunaan Dalam Ajaran Adat

Menurut Informan #1 agensi agama JHEAINS juga mengambil inisiatif memurnikan istilah-istilah penggunaan dalam ajaran adat kepada istilah yang selaras dengan Islam. Contohnya, amalan *Sogit* dimurnikan dengan diganti kepada istilah denda bagi sesetengah tempat. Menurut informan, amalan adat *Sogit* yang kemudiannya dimurnikan kepada denda memberikan gambaran jelas kepada masyarakat tentang tujuan sebenar pelaksanaan tersebut dilaksanakan tanpa melibatkan kepercayaan semangat lain yang boleh menggugat akidah. Contohnya, *Sogit* bagi sesetengah kawasan di Ranau, Sabah adalah perbuatan mengorbankan haiwan ternakan yang berdarah disebabkan kesalahan-kesalahan tertentu. Pemurnian yang dibuat menjelaskan kepada masyarakat tentang denda yang wajib dibayar dan jenis pembayaran juga diubah kepada bentuk wang ringgit yang lebih jelas. Berikut merupakan keterangan informan #1:

"Sogit ni alhamdulillah dari masa ke semasa kita perbetulkan, kita perbetulkan istilah. Dalam Islam pun ada istilah-istilah dia. Yang tersilap tu perlaksanaan dia. Haa, Sogit itu pada dasarnya tiada dasar menyalahi agama. Yang menjadi masalah di sana kaedah perlaksanaan dia. Dalam Islam, kalau buat salah kita akan didenda. Tapi masalah dia, pemahaman orang dulu-dulu ni untuk menyejukkan dunia. Jadi istilah ni kita murnikan supaya lebih jelas la "

Pemurnian istilah dalam amalan serta penerangan mengenai tujuan perlaksanaan merupakan langkah yang proaktif bagi membendung amalan adat dalam kalangan masyarakat. Hal ini selari dengan dapatan Ros Aiza & Che Zarrina (2015) yang menyatakan pemurnian istilah dalam amalan yang dilaksanakan dalam masyarakat di Sabah adalah cara terbaik untuk mempengaruhi pemikiran mereka. Hal ini demikian kerana, dalam perlaksanaan adat juga sebenarnya terdapat hikmah yang tersendiri tetapi terdapat masyarakat yang salah faham dan menyebabkan mereka sesat.

4. Memperkasakan Aktiviti-aktiviti Masjid di Kawasan Kampung

Menurut informan#4, JHEAINS melantik imam kariah di Ranau, Sabah yang kemudiannya diberikan kampung pantauan masing-masing serta dalam pengurusan jenazah dan juga perkara-perkara yang berkaitan akidah Islam. Masjid juga semakin diaktifkan dengan program-program ilmu fardu ain yang dilaksanakan oleh badan-badan dakwah di Sabah seperti YADIM, ABIM dan Hidayah Centre. Berikut merupakan keterangan informan:

"Alhamdulillah sekarang ni masjid makin aktif sudah. Tahniahlah di Mohimboyon pun banyak aktiviti kena buat tu. Kalau tidak salah setiap tahun ada ja program dari JHEAINS di Mohimboyon tu. ABIM dengan YADIM pun kadang ada buat ceramah juga kan?"

Pengimaran masjid merupakan salah satu inisiatif yang berkesan bagi mendekati masyarakat sekaligus memberikan pendekatan-pendekatan mengenai akidah yang benar kepada masyarakat. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Ros Aiza & Che Zarrina (2015) yang menyatakan bahawa masjid yang aktif mewujudkan masyarakat yang lebih faham agama melalui majlis-majlis ilmu yang dilaksanakan.

KESIMPULAN

Kesalahan akidah di Ranau, Sabah sangat berkait rapat dengan amalan adat nenek moyang kerana Ranau adalah daerah yang dihuni oleh majoriti masyarakat peribumi yang menganut kepercayaan animisme. Sebelum kedatangan agama Islam dan Kristian, masyarakat di sini yang dikenali sebagai kaum Kadazandusun secara keseluruhannya adalah pagan yang meyakini kewujudan *Kinorohingan* sebagai pencipta dan isterinya. Zuriat yang lahir daripada keduanya dipercayai menjadi sumber rezeki di atas muka bumi. Mereka juga banyak mengamalkan ritual-ritual tertentu dengan tujuan memelihara keamanan sesuatu kawasan penempatan. Namun, dengan pendedahan kepada ilmu pengetahuan dan ajaran agama Islam amalan adat nenek moyang semakin berkurangan. Kesalahan akidah yang berkait dengan amalan khurafat merupakan kesalahan akidah yang paling kerap berlaku di Ranau, berbanding kesalahan murtad. Keadaan ini berpunca daripada kefahaman tentang agama Islam yang sebenar masih kurang, kedegilan golongan tua dalam mempertahankan ajaran nenek moyang walaupun sudah memeluk agama Islam dan kejahilan masyarakat. Lantaran itu, antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh NGO dan Jabatan agama di Sabah adalah mewujudkan kerjasama yang jitu antara semua agensi agama seperti NGO, jabatan agama kerajaan dan pendakwah individu untuk menjalankan program-program di kawasan pedalaman, memperkasakan ajaran agama kepada golongan muda agar tidak terpengaruh lagi dengan ajaran nenek moyang dengan mewujudkan sekolah-sekolah tahfiz dan sekolah agama di Ranau, Sabah dan mengaktifkan masjid dan surau dengan amalan-amalan khusus untuk mendidik akidah masyarakat. Tidak dinafikan

inisiatif institusi dakwah sudah berusaha menyebarkan dakwah tetapi sebagai cadangan dalam penulisan ini, agensi agama seharusnya berbincang antara satu sama lain dan mengenal pasti masalah dan kekurangan terhadap dakwah yang dilaksanakan khususnya di kampung yang jauh dari pekan agar dakwah yang dilaksanakan lebih berkesan.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Halim, E. (1994). *Penyelewengan al-Arqaam dari Aqidah Quran dan Sunnah Mengikut Perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Appell & G. N. (1965). *Reviews on William Thomas Rhys: The Dusun North Borneo Society*. Holt Rinehart and Winston.
- Bali, K. (1964). *Memperkenalkan Sabah: Kadazan 1000 tahun*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ismail, A. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2012). *Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2021*. Jabatan Perangkaan.
- Kitingan & Joseph. P. (1982). *General introduction to the culture and custom of the natives of Sabah: The Kadazan (Dusun) our cultural heritage*. Kota Kinabalu: Sabah Kadazan Cultural Association.
- Riduan, M. N., & Mohd Asri, M. D. (2009). *Fenomena Riddah dan Penghinaan Terhadap Nabi: Menelusuri Sejarah dan Implikasi Hukum*. Selangor: Jundi Resources.
- Saif @ Shaiffudin Hj. Daud. (2010). *Transformasi Sosial Menerusi Islamisasi di kalangan Orang Dusun di Ranau, Sabah*. Jabatan Cetak Kerajaan, Sabah, Malaysia.
- Suraya, S. (2013). *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Yap, B. L. (1985). The Traditional World –View of the Indigenous Peoples of Sabah. Dalam. Mohd Taib Osman: *Malaysian World View*. Singapore: Institute of Southheast Asian Studies.

Jurnal

- Abd Hakim, M., Kasim, M. & Ros Aiza, M. M. (2016). Dakwah Islam di Sabah Malaysia: Satu Eksplorasi Awal. *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1(2), 151-166.
- Ahmad Najaa, M., Jahid, S., Muhammad Khairi, M., Abdul Rahim, Z., Mahyuddin, I., Rosidayu, S. & Mohd Rumaizuddin, G. (2018). Fenomena Kepercayaan Dan Amalan Masyarakat Dalam Perubatan Islam Di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*, 1(2). 155-175.
- Asmady, I., Shahril, Y., Suraya, S., & Issraq, R.. (2020). Dasar Kerajaan Negeri Sabah Menangani Perkembangan Ajaran Sesat Dalam Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(1), 49-67.
- Engku Ahmad Zaki, E. A. (2007). Kajian Ajaran Sesat Dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan. *Jurnal Usuluddin*, 26, 1-22.
- Farahwahida, M. Y., Arieff, S. R., Azmi Shah, S., Mohd Nasir, R., Aminuddin, R. (2012). Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 59, 41-50.
- Mohammad Firdaus, H. (2022). Perubahan dan Sinkretisme dalam Amalan Sogit Tanah Masyarakat Dusun Islam Ranau Sabah: Perspektif Islam. *Jurnal Sains Insani*, 7(2), 40-46
- Noor Aina, D., Saadah, J., Zuraini, S. & Reduan, A. A. (2011). Asimilasi bermacam jenis kata Melayu pemilikan etnik Dusun di Sabah. *Jurnal Melayu*, 8, 67-90.

- Pg Ismail, P. M., & Siti Zubaidah, I. (2015). Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. *Jurnal Syariah*, 23(1), 53-78.
- Ros Aiza, M. M., & Che Zarrina, S. (2015). Peranan Institusi Masjid di Sipitang dalam Memurnikan Adat Tradisi Masyarakat. *Jurnal Sains Humanika*, 4(1), 67-74.
- Siti Aidah, L.@L., Suraya, S. & Johan, J. (2022). Sejarah Dan Pengalaman Hubungan Etnik Di Sabah: Kesepaduan Dalam Kepelbagaian. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(6), 184-194.
- Siti Zubaidah, I. (2010). Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, 18(2), 247-276.
- Sulaiman, A. A., & Norsuhaila, S. (2019). Analisis Kepercayaan Etnik Kadazandusun Sabah dalam Antologi Tangon. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 97-108.
- Suraya, S., Budi Anto, M. T, Siti Aidah, L.@L., Halina Sendera, M. Y. (2018). Fenomena Agama Di Pedalaman Sabah. *Journal of History Department, University of Malaya*, 28(2), 187-199.
- Syamsul Azizul, M., Abdul Hair, B. A., & Mohammad Firdaus, H.. (2022). Amalan Sogit Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Di Ranau, Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya Dan Hukum Islam. *MANU*, 33(2), 105-128.

Seminar

- Melati, S., Zaharah, H. (2016). *Cabaran IPT Dalam Menangani Salah Laku Dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa: Tinjauan Dan Cadangan*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia. NASDEC 2006 Conference.

Tesis

- Nailah, I. (2011). *Al-Hawa dalam penyelewengan akidah: Kajian di Kelantan*. Tesis Master. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.